

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]**

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan projek tebatan banjir di kawasan Kedah utara. Mengapakah projek ini belum selesai. Bilakah projek ini dijangka selesai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedia maklum akan perancangan dan pelaksanaan projek tebatan banjir di kawasan utara negeri Kedah. Untuk makluman, pelaksanaan sesuatu projek tebatan banjir akan mengambil masa kira-kira 4 hingga 5 tahun untuk disiapkan yang merangkumi proses-proses seperti berikut:

a. Pengambilan balik tanah

- Proses ini perlu dilakukan bagi membolehkan projek pembangunan tebatan banjir dilakukan di kawasan yang telah dikenal pasti dan terlibat dalam pembinaan tebatan banjir.
- Proses ini melibatkan perolehan dan lantikan syarikat Jurukur bagi mengenal pasti lot-lot tanah yang diperlukan dan yang terlibat dalam kawasan projek tebatan banjir ini.

NO. SOALAN: 64

- Urusan permohonan pengambilan balik tanah akan dilakukan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)

b. Proses perancangan projek

- Perolehan tender perunding akan dilaksanakan bagi membolehkan kajian dilaksanakan terhadap kawasan lembangan yang terlibat
- Proses rekabentuk tebatan banjir berdasarkan masalah yang dihadapi di satu-satu kawasan yang terlibat akan dilaksanakan oleh pihak perunding yang dilantik berdasarkan masalah dan keperluan yang telah dikenal pasti dalam mengatasi masalah banjir yang berlaku di kawasan kajian tersebut.

c. Pelaksanaan kerja fizikal/pembangunan di tapak

- Proses perolehan tender pembangunan fizikal akan dilaksanakan setelah reka bentuk yang dibuat oleh pihak perunding dipersetujui dan memenuhi kehendak dan spesifikasi Jabatan dalam menangani masalah banjir di kawasan kajian.
- Pelaksanaan kerja di tapak akan dilakukan berdasarkan reka bentuk dan spesifikasi yang telah dipersetujui.

2. Bagi kawasan utara negeri Kedah, Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Jitra Selatan telah siap peringkat rekabentuk dan kini dalam penyediaan dokumen tender dan dijangka akan ditender pada Disember 2021. Tempoh perlaksanaan kerja mengambil masa 2 tahun dan dijangka akan selesai pada pertengahan tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]**

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelarian yang ada di Malaysia. Mohon diberikan jumlah mengikut kumpulan etnik atau negara asal mereka.

JAWAPAN

**DIJAWAB YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (*United Nations High Commissioner For Refugees - UNHCR*) sehingga 31 Ogos 2021, terdapat seramai 179,394 pelarian dan pemohon suaka di Malaysia dari 58 buah negara. Daripada jumlah ini, seramai 129,899 orang merupakan pelarian dan 49,495 orang adalah pemohon suaka. Pelarian dan pemohon suaka daripada negara Myanmar adalah merupakan golongan tertinggi yang berada dalam negara iaitu sebanyak 154,863 orang berbanding dengan lain-lain negara adalah sebanyak 24,531 orang. Pecahan pelarian dan pemohon suaka yang berada dalam Malaysia mengikut kumpulan etnik atau negara asal adalah seperti di jadual berikut:

Statistik Pelarian dan Pemohon Suaka yang berdaftar dengan UNHCR Kuala Lumpur dari Myanmar sehingga 31 Ogos 2021

Bil	Etnik	Jumlah Pemohon Suaka	Jumlah Pelarian	Jumlah Keseluruhan
1.	Rohingya	15,755	87,241	102,996
2.	Chin	9,655	12,819	22,474
3.	Kachin	1,900	1,075	2,975
4.	Mon	1,428	1,713	3,141
5.	Karen, Karien, Kayin	1,208	1,193	2,401
6.	Shan/Thai Yai	331	304	635
7.	Burmese, Bamar, Burman	285	1,422	1,707

Bil	Etnik	Jumlah Pemohon Suaka	Jumlah Pelarian	Jumlah Keseluruhan
8.	Arkanese, Rahkin	241	2,917	3,158
9.	Lain-Lain	4,013	11,363	15,376
Jumlah (Myanmar)		34,816	120,047	154,863

**Statistik Pelarian dan Pemohon Suaka yang berdaftar dengan
UNHCR Kuala Lumpur Negara Asal selain Myanmar sehingga 31
Ogos 2021**

Bil	Etnik	Jumlah Pemohon Suaka	Jumlah Pelarian	Jumlah Keseluruhan
1.	Afghanistan	1,082	1,534	2,616
2.	Algeria	8	2	10
3.	Bangladesh	14	10	24
4.	Bhutan	0	1	1
5.	Cambodia	10	22	32
6.	Cameroon	16	9	25
7.	Central African Republic	1	4	5
8.	China	4	47	51
9.	Congo, Republic of the	1	0	1
10.	Cote d'Ivoire	3	3	6
11.	Democratic Republic of the Congo	5	5	10
12.	Egypt	79	18	97
13.	Eritrea	15	19	34
14.	Ethiopia	11	12	23
15.	Ghana	2	1	3

NO SOALAN : 65

Bil	Etnik	Jumlah Pemohon Suaka	Jumlah Pelarian	Jumlah Keseluruhan
16.	Guinea	27	4	31
17.	India	15	0	15
18.	Indonesia	11	32	43
19.	Iran, Islamic Republic of	171	271	442
20.	Iran	791	417	1,208
21.	Jordan	3	2	5
22.	Kenya	1	1	2
23.	Kuwait	0	2	2
24.	Kyrgyzstan	1	0	1
25.	Lebanon	6	3	9
26.	Lesotho	1	0	1
27.	Liberia	9	21	30
28.	Libyan Arab Jamahiriya	18	11	29
29.	Mali	2	4	6
30.	Mozambique	0	1	1
31.	Namibia	0	1	1
32.	Nepal	1	3	4
33.	Nigeria	36	5	41
34.	Pakistan	3,355	3,270	6,625
35.	Palestine	534	229	763
36.	Philippines	2	2	4
37.	Russian Federation	1	6	7
38.	Saudi Arabia	2	0	2
39.	Sierra Leone	33	11	44
40.	Somalia	1,063	2,141	3,204
41.	South Sudan	34	23	57
42.	Sri Lanka	887	794	1,681
43.	Sudan	123	181	304
44.	Syrian Arab Republic	2,856	417	3,273

Bil	Etnik	Jumlah Pemohon Suaka	Jumlah Pelarian	Jumlah Keseluruhan
45.	Thailand	23	4	27
46.	Tibet (SAR, China)	0	2	2
47.	Togo	3	0	3
48.	Turkey	0	1	1
49.	Uganda	5	3	8
50.	Ukraine	1	0	1
51.	United Arab Emirates	1	0	1
52.	United Kingdom of Great Britain and North, Ireland	1	0	1
53.	United States of America	0	1	1
54.	Uzbekistan	7	1	8
55.	Venezuela	1	0	1
56.	Yemen	3,399	298	3,697
57.	Zimbabwe	4	3	7
Jumlah (Negara Selain Myanmar)		14,679	9,852	24,531

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terakhir Malaysia untuk *Diabetes Mellitus Type 2*, darah tinggi dan Sindrom Metabolik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) setiap empat (4) tahun sekali untuk menganggarkan beban penyakit tidak berjangkit di negara ini. NHMS pada tahun 2019 menganggarkan, terdapat sebanyak 18.3% atau 3.9 juta rakyat Malaysia menghidapi kencing manis atau diabetes berbanding 11.2% pada tahun 2011 dan 13.4% pada tahun 2015. Daripada jumlah ini, dianggarkan hanya separuh daripada pesakit diabetes mengetahui status penyakit mereka. Berdasarkan kajian yang sama juga menunjukkan terdapat sebanyak 30.0% atau 6.4 juta rakyat Malaysia menghidap hipertensi atau tekanan darah tinggi berbanding 32.7% pada tahun 2011 dan 30.3% pada tahun 2015. Daripada jumlah ini, dianggarkan hanya separuh daripada pesakit hipertensi mengetahui status penyakit mereka. Walaupun sindrom metabolik tidak dipantau di peringkat populasi, namun faktor risiko penyakit NCD semakin meningkat.
2. Data terperinci berkaitan penyakit NCD melalui laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) boleh didapati dari laman sesawang Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.